

06/08/1999

Penang Network lancar E-Niaga

Ridzuan Yop

PENANG Network Services Sdn Bhd (PNS) pembekal rumusan perdagangan elektronik (e-dagang) semalam melancarkan secara rasmi perkhidmatan 'E-Niaga' yang berasaskan Internet kepada masyarakat perniagaan.

E-Niaga yang memberikan perkhidmatan e-dagang sebelum ini dengan kod 'eMerce', kini matang sebagai produk komersil membolehkan syarikat perniagaan kecil dan besar menggunakan dua modulnya yang sedia ada iaitu rangkaian bekalan dan pelepasan kargo.

Majlis pelancaran E-Niaga disempurnakan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon di sebuah hotel di Pulau Pinang. Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara PNS dengan pelanggan perintisnya.

Di majlis itu, 10 syarikat menjadi kumpulan pelanggan perintis dengan menandatangani perjanjian perkhidmatan dan langgan dengan PNS.

Turut hadir Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Siti Balkish, Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk BJ Yeang, Pengerusi Eksekutif Tongkah Holdings Bhd, Mokhzani Mahathir dan dan Pengarah Urusan PNS, Azmi Ismail.

PNS ditubuhkan pada 1996 sebagai perbadanan Teknologi Maklumat (IT) yang diiktiraf Kerajaan Negeri untuk membantu kerajaan Pulau Pinang mewujudkan dan melaksanakan sistem ekonomi digital.

E-Niaga dibangunkan daripada perisian Pertukaran Perdagangan Netscape ECXpert dengan kuasa LH4 NetServer berasaskan Windows NT Hewlett-Packard.

EXCpert adalah perisian perdagangan Internet terbuka yang membantu pelanggan bertukar transaksi perniagaan melalui Internet dan menggunakan e-dagang dalam urusan perniagaan.

Dr Koh ketika berucap di majlis pelancaran itu, berkata pelancaran E-Niaga secara komersil akan menyokong usaha kerajaan negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pengedaran dan logistik serantau.

Menurutnya, di samping infrastruktur fizikal lain kerajaan negeri perlu mengguna dan mengoptimum segala potensi teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia untuk menukar cara perniagaan konvensional.

"Kemunculan Internet dan begitu banyak alat e-dagang memberi kita peluang untuk mengukuhkan lagi reputasi Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur. Pelancaran E-Niaga tepat pada masanya untuk mengharungi cabaran ekonomi digital alaf baru.

Sementara itu, Yeang yang juga Pengerusi PNS, berkata E-Niaga dibangunkan khusus untuk membantu syarikat perniagaan meningkatkan kecekapan operasi dan seterusnya keuntungan mereka.

Menurutnya, pelaburan minimum, kos transaksi yang rendah dan pelbagai faedah operasi, taktikal dan strategik yang ditawarkan E-Niaga telah mendapat sambutan positif daripada masyarakat perniagaan di Pulau Pinang.

Yeang berkata, PNS memulakan ujian perintis dengan hanya dua pengguna iaitu Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd dan Penfabric Sdn Bhd, tetapi lima syarikat lain menyertainya kemudian.

"Berdasarkan kepada minat yang tinggi di kalangan masyarakat perniagaan, kami menasasarkan sejumlah 100 pelanggan menjelang akhir tahun ini," katanya.

Syarikat yang menandatangani perjanjian semalam sebagai pelanggan perintis ialah Dyechem Alliance (M) Sdn Bhd; Fairchild Semiconductor (M) Sdn Bhd; Leong Bee & Soo Bee Sdn Bhd; Osram Opto Semiconductor (M) Sdn Bhd; Penfabric Sdn Bhd; Public Packages Sdn Bhd; Quantum Peripheral Sdn Bhd; TH Hin Corporation Bhd, Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd dan Tongkah

Elektronik Sdn Bhd.

(END)